

**Umno Hantar Surat Tunjuk Sebab Kepada Lajim Ukim  
Bernama  
30 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Umno menghantar surat tunjuk sebab kepada Datuk Seri Lajim Ukin berhubung peletakan jawatannya dalam parti dan Barisan Nasional (BN) Sabtu lepas.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata Lajim perlu menjawab surat tunjuk sebab itu dalam tempoh 14 hari bagi dipertimbang untuk tindakan seterusnya sebagaimana tertakluk dalam perlembagaan Umno.

"Saya telah menghantar surat tunjuk sebab kepada Datuk Seri Lajim Ukin berkaitan mengapa beliau tidak boleh dipecat daripada Umno memandangkan beliau telah mengumumkan peletakan semua jawatan dalam Umno dan BN pada 28 Julai lepas," katanya dalam kenyataan di sini Isnin.

Lajim mengumumkan peletakan jawatan sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno, ketua Umno Bahagian Beaufort dan pengerusi BN Beaufort berkuatkuasa serta-merta.

Bagaimanapun, beliau kekal sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan anggota Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684264>





